

TITIP KASIH RIBUAN BATU

Penuntut USIM ke Krabi bantu penduduk dan murid daif



JERNIH kehijauan air laut di Pulau Phi Phi.



Oleh Mohd Zaini Othman
metahad@hmetro.com.my

tam, Malaysia dan Kompleks Imigresen Sadao, Thailand sebelum melintasi beberapa daerah utama seperti Hat Yai, Phattalung, Songkhla dan Trang sebelum tiba di destinasi.

Lewat senja barulah tiba, namun keletihan menempuh perjalanan jauh diketepikan ahli rombongan GISO yang teruja menyilapkan bingkisan barangan keperluan harian sebagai buah tangan ketika menyantuni dan meramahi saudara Muslim Krabi nanti.

Pengarah GISO, Abdul Rasydan Mohamad Rusli mengakui satu perjalanan bermakna buat kru GISO apabila tiba di kawasan penduduk daif.

"Wilayah Krabi menjadi destinasi pelancongan dan percutian yang mendapat perhatian pelancong antarabangsa kerana keindahan pantai dan pulau sekitarnya, ia juga menjadi 'bumi berteduh dan rezeki' hampir 500,000 masyarakat Islam Thailand di sini.

"Pengisian kami laksanakan di sini ialah menziarahi penduduk fakir miskin untuk menyampaikan sumbangan makanan harian.

"Dua kampung menjadi destinasi yang dituju iaitu Kampung Klong Khamao dan Kampung Koh Khlang. Kami terpaksa menggunakan ken-

MASJID antara destinasi lawatan GISO.



TUGU ketam jadi tumpuan di Krabi.

deraan pacuan empat roda kerana kampung itu terletak di pedalaman dan jalan raya ke sana kurang baik.

"Rasa sebak dan menitis air mata peserta GISO ketika mengunjungi beberapa

rumah penduduk kampung yang sangat daif dan mendengar sendiri kisah hidup mereka," katanya.

Rombongan sempat mengunjungi dua sekolah Islam iaitu Sekolah Rendah Anubal

Wunthong dan Sekolah Menengah Wunthong Wittaya bagi memberi peluang peserta mencurahkan ilmu di dada.

Satu usaha wajar dipuji kegigihan pendidik sekolah Islam terbabit terutama pengasasnya Allahyarham Soleh Thaokloy, kini diuruskan anaknya, Muktar Thaokloy apabila meneruskan kelangsungan pendidikan Islam di sekolah berkenaan.

Kedua-dua sekolah dwialiran itu menerapkan pendidikan kebangsaan pada sesi pagi dan pendidikan Islam bermula petang hingga malam. Sekolah itu tidak mengenakan yuran pada pelajarinya malah memberi bantuan makanan percuma kepada pelajar fakir miskin.

"Di seluruh Thailand kami mempunyai sekitar 40 daerah yang didiami penduduk Islam. Kira-kira 230 masjid berdaftar di bawah Majlis Agama Islam.

"Alhamdulillah, masjid besar ini mendapat Anugerah Pengurusan Masjid Cemerlang oleh Kerajaan Thailand selama tiga tahun berturut-turut.

"Kita juga mempunyai hubungan akrab dengan Majlis Agama Islam Perlis dalam aspek perkongsian kepakaran kakitangan dan penganjuran kursus bersama," katanya.

Pendebat Bahasa Arab USIM yang mengikuti GISO, Nur Azreen Zainal berkata komuniti Islam di situ membantu memberi keselesaan pengunjug Islam datang ke pulau berkenaan.

"Mencari makanan halal di sini tidak sukar kerana ada lebih 160 premis hotel dan restoran yang menyediakan menu halal.

"Ia faktor utama pengunjug Islam 'selesa' bercuti di sini. Kehadiran pelancong Asia Barat di sini juga makin bertambah saban tahun.

"Kita berharap kunjungan pelancong ke sini dapat membantu ekonomi masyarakat Islam di sini dan pada sama membantu kelangsungan syiar Islam ke serata pulau berdekatan," katanya.



AKTIVITI snorkeling di Pulau Phi Phi.



SESI pemindahan ilmu bersama pelajar Islam Krabi.



PENYERAHAN sumbangan kepada penduduk daif.